

27/09/2003

Hudud, qisas diwarta bulan depan

KUALA TERENGGANU: Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang diluluskan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu tahun lalu, akan diwartakan Oktober depan dan berkuat kuasa serta merta.

Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata kerajaan negeri akan mewartakan enakmen itu sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersara akhir bulan depan.

"Enakmen itu sudah diperkenan Sultan Terengganu. Ia menunggu masa untuk diwartakan, dan insya-Allah ia akan diwartakan bulan depan iaitu sebelum PM bersara," katanya ketika ditemui di kediamannya di sini, semalam.

Ketika sidang DUN Terengganu awal bulan ini, kerajaan negeri dilaporkan masih belum menetapkan tarikh mewarta dan melaksanakan enakmen berkenaan meskipun sudah mendapat perkenan Sultan Terengganu, tahun lalu.

Abdul Hadi yang juga Presiden Pas berkata, pihaknya sedang menyusun struktur Mahkamah Tinggi Syariah yang akan mengadili semua kes berkaitan hudud dan qisas apabila enakmen itu dikuatkuasakan kelak.